

27.4 peratus penduduk Malaysia merupakan kanak-kanak bawah 18 tahun

KUALA LUMPUR - Jumlah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun pada 2023 dianggarkan 9.13 juta iaitu meliputi 27.4 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia sebanyak 33.38 juta.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, berdasarkan Statistik Kanak-Kanak Malaysia 2023 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada Rabu, bilangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di bawah umur 18 tahun masing-masing ialah 4.72 juta dan 4.42 juta.

"Sementara komposisi kanak-kanak di bawah umur lima tahun pada 2023 ialah 2.35 juta dengan 1.21 juta kanak-kanak lelaki dan 1.14 juta kanak-kanak perempuan. Kumpulan umur ini meliputi 25.7 pe-

ratus daripada jumlah kanak-kanak di Malaysia," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan peratusan tertinggi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun pada 2023 iaitu 41.1 peratus daripada jumlah penduduk diikuti Kelantan (34.4 peratus) dan Terengganu (33.5 peratus).

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula mencatatkan peratusan terendah iaitu 22.6 peratus.

"Bagaimanapun, Selangor merekodkan bilangan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun tertinggi iaitu 1.81 juta, diikuti Johor (1.11 juta) dan Sabah (1.10 juta).

"Bilangan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang terendah direkodkan di

Wilayah Persekutuan Labuan iaitu 0.03 juta," katanya.

Statistik berkenaan juga menunjukkan kanak-kanak di bawah umur lima tahun yang mengalami kekurangan nutrisi yang teruk di peringkat nasional meningkat sedikit kepada 0.3 peratus pada 2022 berbanding 0.2 peratus pada 2021.

Sementara itu, penemuan dalam bidang pendidikan menunjukkan bilangan murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan pada tahun 2022 ialah 4.96 juta, meningkat 0.6 peratus daripada 4.93 juta pada 2021.

Bilangan murid di sekolah swasta pula mencatatkan penurunan 1.2 peratus kepada 0.42 juta berbanding 0.43 juta dalam tempoh yang sama. - *Bernama*